

KAMPUNG KU

KAMPONG JERUDONG¹

Dayang Nor Suraya binti Haji Marusin

Pengenalan

Kampong Jerudong ialah sebuah kampung yang terletak di Mukim Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara. Kampong Jerudong mendapat perhatian pengkaji sejarah kerana dikatakan tapak permulaan bagi puak Kedayan dan tempat awal puak Kedayan memperkenalkan cara menanam padi.

Puak Kedayan merupakan salah satu daripada tujuh puak jati Melayu yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.² Banyak cerita mengenai asal usul puak Kedayan ini. Ada yang mengatakan mereka berasal daripada tanah Jawa. Menurut cerita, puak Kedayan dibawa oleh Sultan Bolkiah untuk mengajarkan cara-cara menanam padi kepada rakyatnya dan mula bertapak di Kampong Pasir, Jerudong.³

- 1 Rencana ini adalah hasil perolehan ‘Perkampungan Sejarah: Penulisan dan Pengumpulan Tradisi Lisan, Daerah Brunei dan Muara pada 17–22 Jun 2005’, dan telah disesuaikan untuk penerbitkan.
- 2 Dalam *Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei* penggal 4(1)(a) tujuh puak jati Brunei terdiri dari Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- 3 Matassim Haji Jibah (penyelenggara), *Warisan Budaya Brunei*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1998, h. 154.

Asal Usul Kampung

Menurut pengisah, Awang Haji Untong bin Yusof⁴ menyatakan bahawa asal usul nama Kampong Jerudong ini bermula daripada kisah dua orang yang sedang memancing ikan di sebuah sungai yang dikenali dengan nama Sungai Si Anggus. Lelaki bernama Dong manakala yang perempuan bernama Aya. Ketika memancing, Aya bertanya kepada Dong mengenai tempat tinggal Dong. Dong menjawab dengan berkata “tu... jauh dong”. Daripada perkataan itulah lama kelamaan orang memanggil tempat itu dengan nama ‘Jerudong’. Perkara ini sama seperti kisah bagaimana nama ‘Brunei’ diperolehi iaitu daripada perkataan yang diucapkan oleh puak Sakai iaitu “Baru-nah” semasa mendapat penempatan baru yang mereka cari.

Ketua Kampung

Menurut pengisah lagi, pada masa dahulu Kampong Jerudong ini tidak terdapat Ketua Kampung untuk mentadbir kampung tersebut. Ketika itu siapa yang paling tua di kampung tersebut maka penduduk kampung akan mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkannya. Tugasnya adalah untuk mengetuai apa-apa majlis dan upacara yang diadakan di kampung itu. Namun setelah banyak masalah timbul mengenai hak-hak tanah di Kampong Jerudong kerana ada sesetengah orang yang cuba menipu dengan mengakui mereka memiliki tanah tertentu yang bukan kepunyaan mereka, maka pihak Kerajaan telah melantik Ketua Kampung. Dengan adanya Ketua Kampung Jerudong ini, maka masalah persengketaan di antara penduduk kampung dapat diselesaikan.

Ketua Kampong Jerudong yang pertama ialah Awang Haji Ali bin Saban. Beliau memegang jawatan sebagai Ketua Kampung sehingga kedatangan tentera Jepun ke Brunei. Selepas Awang Haji Ali, jawatan Ketua Kampung diambil alih oleh anak beliau iaitu Awang Haji Jais bin Haji Ali. Beliau memegang jawatan ini selama 30 tahun. Semasa beliau menjadi Ketua

Kampung, Kerajaan telah memberi elauan kepada beliau sebanyak \$70.00 sebulan. Setelah beliau meninggal dunia, jawatan Ketua Kampung dipegang oleh Awang Haji Jeluddin bin Nayan. Pada masa ini, jawatan Ketua Kampong Jerudong dijawat oleh Awang Haji Lamuddin bin Kahar.

Cara perlantikan Ketua Kampung pada masa dahulu ialah melalui kesepakatan dan sebulat suara penduduk kampung bagi melantik seseorang untuk dijadikan Ketua Kampung mereka. Pada masa ini lantikan Ketua Kampung sama seperti dahulu, cuma bezanya setelah calon menang dalam undian lantikan tersebut akan dipertimbangkan dan dihadapkan oleh pihak Kerajaan.

Prasarana

Seperti kampung-kampung lain di Negara Brunei Darussalam ini, Kampong Jerudong tidak ketinggalan dalam menerima kemudahan daripada pihak Kerajaan. Kampung yang dulunya hanya sebagai kampung petani, kini telah maju dan mengalami perubahan daripada segi pembangunan dan kemudahan awam seperti masjid, sekolah, jalan raya, bekalan elektrik, air dan lain-lain lagi.

Masjid

Masjid Kampong Jerudong yang pertama dibina pada 1 Januari 1959. Masjid ini dibuat daripada kayu dan atapnya daripada zink. Masjid ini dibina oleh penduduk kampung secara bergotong-royong dan hasil kutipan derma penduduk kampung. Masjid ini didirikan di suatu tempat di mana Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien pernah menunaikan sembahyang iaitu di bawah sepohon kayu kulimpapa. Tempat inilah yang dipilih dan didirikan masjid tersebut bagi mengambil sukut baik baginda.⁵ Tapak tanah bagi membina masjid ini telah diwakafkan oleh Awang Haji Basin bin Saban.

Masjid ini telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara sebagai wakil kepada Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien pada 14 Ogos 1959.⁶

⁴ Pengisah yang dipilih untuk diwawancara oleh pihak Pusat Sejarah Brunei. Beliau berumur 71 tahun dan merupakan penduduk asal Kampong Anggor, Jerudong. Beliau mengetahui serba sedikit tentang asal usul Kampong Anggor yang terletak di Jerudong. Menurut beliau Kampong Anggor mengambil nama sempena sepohon pokok yang diberi nama ‘Anggor’. Beliau juga menegaskan bahawa pokok ini bukan pokok buah Anggor yang dimakan. Menurut Hj. Untong, beliau pernah melihat sendiri dan menyentuh pohon tersebut dan pohon tersebut masih wujud sekitar tahun 1987. Walau bagaimanapun, pohon tersebut telah dimusnahkan kerana ia terletak di kawasan pembinaan lebuh raya Jerudong.

⁵ Awang Haji Metussin bin Haji Bakri, *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Hal Ehwal Syari’ah, Bandar Seri Begawan, 1993, h. 210–211.

⁶ *Ibid.*

Pada tahun 1973, masjid yang kedua telah dibina kerana masjid yang lama tidak lagi dapat menampung keramaian jemaah yang kian bertambah di samping keadaan masjid yang kian usang. Masjid kedua ini telah dibuka rasmi oleh Dato Paduka Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negeri Brunei. Masjid ini dibina hasil kerjasama penduduk kampung dan Kerajaan. Separuh daripada pembiayaan pembinaan masjid ini disumbangkan oleh Kerajaan.

Bagi menampung bilangan jemaah yang kian ramai, sebuah masjid yang merupakan masjid yang ketiga telah dibina bersebelahan dengan masjid kedua. Masjid ini ialah wakaf daripada Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz. Masjid ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Jumaat, 11 Syawal 1419 bersamaan 28 Januari 1999. Masjid ketiga ini diberi nama Masjid Al Ameerah Al Hajah Mariam.

Sekolah

Menurut pengisah, sebelum ada sekolah di Kampong Jerudong, penduduk yang ingin belajar terpaksa meninggalkan keluarga mereka buat sementara waktu untuk bersekolah di bandar. Mereka hanya akan dapat balik kepangkuhan keluarga semasa musim cuti sekolah. Pada masa itu, jarak daripada kampung ke bandar agak jauh dan kenderaan yang digunakan pada masa itu hanyalah dengan menunggang kerbau. Sekolah pertama di Jerudong dibuka pada 3 Ogos 1957. Sekolah tersebut dinamakan Sekolah Melayu Jerudong.

Jalan Raya

Sekitar tahun 1951, jalan raya mula dibina di Kampong Jerudong tetapi belum dapat digunakan sepenuhnya pada tahun tersebut kerana masalah-masalah tertentu. Selepas tiga tahun barulah penduduk Kampong Jerudong dapat menggunakan dengan selesa.

Bekalan Elektrik dan Air

Sebelum kedatangan tentera Jepun, penduduk kampung menggunakan lilin sebagai lampu pada waktu malam. Ketika pendudukan Jepun di Brunei, barulah lampu gas diperkenalkan dan digunakan oleh penduduk kampung dan selepas Pemberontakan 1962, Kampong Jerudong mula menerima bekalan elektrik.

Penduduk Kampong Jerudong pada masa dahulu menggunakan air sungai sebagai sumber air minum dan kegunaan harian. Mereka terpaksa berjalan sejauh setengah batu untuk sampai ke sungai tersebut. Selain itu, air telaga juga menjadi sumber air penduduk kampung tetapi setelah bekalan air paip disediakan oleh Kerajaan, penduduk kampung tidak lagi perlu mengambil air sungai dan air telaga bagi kegunaan sehari-hari.

Tempat Bersejarah

Menurut pengisah, salah sebuah tempat bersejarah di Kampong Jerudong ialah Mejawa. Perkataan mejawa merujuk kepada nama pasangan suami isteri iaitu isterinya bernama Jawa dan suaminya bernama Si Bayau. Mereka ini datang dari Jawa. Menurut cerita, Jawa berbadan besar iaitu tujuh jangkal lebar. Sumber lain mengatakan bahawa masih terdapat kubur pasangan ini di kawasan tersebut. Namun mereka tidak mempunyai zuriat. Di kawasan tersebut tidak lagi didiami orang.

Versi lain yang menceritakan mengenai asal usul Mejawa ialah ia merupakan sebuah kampung tempat puak Kedayan tinggal setelah dibawa oleh Sultan Bolkiah daripada tanah asal mereka.⁷ Oleh sebab mereka ini berasal dari Jawa lalu tempat itu dinamakan Mejawa. Tidak ada sumber yang menyebut tentang pasangan Si Bayau dan Si Jawa. Oleh yang demikian kajian mengenainya perlu diambil perhatian.

Penutup

Kampong Jerudong mempunyai sejarah yang menarik, tetapi ada di antaranya yang belum diselidik seperti tokoh yang disebutkan oleh pengisah, Awang Haji Untong bin Yusof. Begitu juga tempat-tempat bersejarah seperti Telaga Kabut, Telaga Gauh dan Mejawa. Tempat-tempat ini seharusnya mendapat perhatian dan perlindungan demi kepentingan generasi akan datang. Oleh itu disarankan supaya wawancara dan kaji selidik mengenainya diadakan.

⁷ Matassim Haji Jibah (penyelenggara), *Warisan Budaya Brunei*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1998, h. 154.

Bibliografi

Awang Haji Metussin bin Haji Baki, *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, Bandar Seri Begawan, 1993.

Haji Mohtar bin Haji Md Dom, *Traditions dan Taboos*, Federal Publication, Kuala Lumpur 1979.

Masjid-Masjid di Brunei Darussalam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Bandar Seri Begawan, 2000.

Marhamah binti Mohammad, Latihan Ilmiah: *Adat Kepercayaan Puak Melayu Kedayan Kampong Jerudong, Lamunin dan Kulapis di Brunei Darussalam*, Universiti Brunei Darussalam.

Matassim Haji Jibah (penyelenggara), *Warisan Budaya Brunei*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1998.

Pehin Jawatan dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta*, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 2002.

PS/PY/SL/0921/05 Awang Haji Untong bin Yusof, 'Perkampungan Sejarah: Penulisan dan Pengumpulan Tradisi Lisan, Daerah Brunei dan Muara pada 17–22 Jun 2005', di No. 763, Kampong Anggor, Jerudong pada 13 Jun 2005.